

# 2,000 tan minyak tumpah

## Kapal tangki Malaysia, kargo berlanggar di Pengerang

Oleh Azida Shahrudin  
azida@bharian.com.my

**J**OHOR BAHRU: Kira-kira 2,000 tan minyak mentah tumpah selepas sebuah kapal tangki Malaysia berlanggar dengan kapal kargo kira-kira empat batu nautika Barat Daya Tanjung Stapa, Pengerang, Kota Tinggi dan 3.7 batu nautika dari perairan Singapura, semalam.

Kejadian jam 6.05 pagi itu mengakibatkan sisi kiri kapal *MT Bunga Kelana 3* yang membawa kira-kira 61,800 tan minyak mentah, robek sepanjang 10 meter, manakala kapal kargo *MV Waily* hanya mengalami kerosakan kecil.

Ketua Penguat Kuasa Daerah Maritim Tanjung Sedili, Komander (M) Abdul Hadib Abdul Wahab, berkata perlanggaran itu dipercayai menyebabkan tumpahan kira-kira 2,000 tan minyak dari *Bunga Kelana 3* berdasarkan tompokan minyak yang dikesan dalam lingkungan 50 meter dari lokasi kejadian.

LIHAT MUKA 8



REUTERS

**KERJA** pembersihan tumpahan minyak dilakukan berhampiran kapal *MT Bunga Kelana 3* selepas berlanggar dengan kapal kargo (gambar kecil) kira-kira empat batu nautika ke Barat Daya Tanjung Stapa, Pengerang, Kota Tinggi, semalam.

# Nelayan bimbang kawasan tangkapan ikan tercemar

DARI MUKA 1

Berikutan itu, kapal *Shaula 1* milik Jabatan Laut bergerak ke lokasi kejadian bagi melakukan operasi pengawalan untuk mencegah tumpahan minyak itu merebak. Operasi itu turut dibantu Pasukan Gerakan Marin (PGM) dan pihak berkuasa Singapura.

Abdul Hadib berkata, *Bunga Kelana 3* yang berdaftar di Pelabuhan Klang, sudah ditarik ke pelabuhan Changi, Singapura untuk pembatikan, manakala *MV Waily* masih berlabuh di lokasi kejadian.

Kapal kargo itu berdaftar di Kingstown, Saint Vincent and The Grenadines dan dalam perjalanan ke Hong Kong dari India.

Beliau berkata, pasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bersama tiga bot laju terbabit dalam gerakan mencari dan menyelamatkan sebaik menerima maklumat dari Pusat Penyelaras Mencari dan menyelamat Maritim (MRSC) di sini mengenai pertlanggaran dua kapal terbabit, kira-kira jam 8.30 pagi.

"Ketika pasukan itu tiba di lokasi kejadian, kira-kira jam 10.27 pagi, 50 anak kapal meliputi warga Malaysia, India, Pakistan, Indonesia, China dan Filipina mendapati masih berada di atas kedua-dua kapal dan semuanya tidak mengalami sebarang kecede-



**KAPAL Bunga Kelana 3 yang membawa 61,800 tan minyak mentah rosak teruk selepas berlanggar dengan MV Waily, kira-kira 4 batu nautika Barat Daya Tanjung Stapa di perairan Pengerang, Kota Tinggi iaitu kira-kira 3.7 batu nautika dari perairan Singapura.**

raan," katanya.

Abdul Hadib berkata, setbacks ini punca pertlanggaran itu belum diketahui dan siasatan masih dijalankan.

Sementara itu, seorang nelayan di Pengerang, Rosman Basron, 43, bimbang kejadian itu akan menyebabkan pencemaran di perairan berkenaan, terutama di kawasan tangkapan ikan.

"Pencemaran minyak

akan merosakkan harta benda kami termasuk pukat dan pelampung... mungkin pelampung masih boleh diberikan namun kemungkinan besar pukat perlu dikait baru kerana tidak boleh dicuci.

"Malah, pendapatan nelayan akan terjejas kerana hasil tangkapan seperti udang dan ikan bekukuran akibat pencemaran ini," katanya.

## INFO

**Kedudukan kemalangan MT Bunga Kelana 3 dan MV Waily**



GAMBAR EHSAN APMM